

AKHBAR	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	14
HARI DAN TARIKH	SELASA 27/9/16	RUANGAN	15 M
DISEMAK OLEH			

[FOTO NOR RAIDAH AWANG/BH]



Kamalanathan menyampaikan dermasiswa Holstein Milk Company kepada 250 pelajar sekolah seluruh Perak di Sekolah Kebangsaan Tok Sajak, Batu Kurau, semalam.

Info

Hasil kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya 2014 di 195 sekolah di Selangor

- 59 peratus tidak mempunyai laluan pejalan kaki.
- 48 peratus tidak dilengkapi tanda amaran.
- 49 peratus tidak dilengkapi kemudahan melintas.
- 50 peratus tidak mempunyai bonggol atau pengurang kelajuan.
- 72 peratus tiada warden trafik sekolah.

Tingkat keselamatan murid

BH, Isu, 14, 27/9

➔ Kementerian Pendidikan guna khidmat RELA kawal lalu lintas di sekolah

Oleh Magendran Rajagopal dan Nor Raidah Awang
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Pendidikan menerima tawaran Kementerian Dalam Nege-

ri (KDN) untuk guna khidmat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi mengawal lalu lintas di sekolah, sekali gus meningkatkan keselamatan murid.

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Mohamed Khair Yusof, berkata tawaran daripada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, itu akan diselaraskan dengan kadar segera.

"Kementerian Pendidikan memandang serius kemalangan dan keselamatan murid di jalan raya ketika pergi dan balik dari sekolah berikutan beberapa kemalangan termasuk yang mengakibatkan maut, ber-

laku sejak kebelakangan ini.

"Berhubung tawaran KDN, pihak kami sudah mengarahkan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian untuk adakan pertemuan secepat mungkin dengan RELA dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membincangkan kaedah terbaik menangani isu ini.

Lokasi berisiko

"Ini termasuk mengenal pasti sekolah yang berada di lokasi berisiko tinggi kemalangan di seluruh negara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Di Batu Kurau: Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan, berkata selain RELA, kementerian juga sedang meneliti cadangan mengguna-

kan khidmat polis trafik supaya langkah sewajarnya dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

"Selain itu, kita ada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang membolehkan kerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pengangkutan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penyampaian dermasiswa The Holstein Milk Company Sdn Bhd (Holstein Milk Company) sebanyak RM200 seorang kepada 250 pelajar terpilih dari seluruh Perak di Sekolah Kebangsaan (SK) Toh Sajak di sini, semalam.